



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN. 4/76/ 197 (III)

HUSSEIN ONN RASMI MESYUARAT PERWAKILAN
UMNO

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN, PERDANA MENTERI
DAN PRESIDEN UMNO MALAYSIA DI PERESMIAN MESYUARAT
PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESI, KG. SIMERAH
PADI, BATU 4, JALAN CHERAS, KUALA LUMPUR, PADA
HARI AHAD, 25HB APRIL , 1976, JAM 10.00 PAGI

Saudara Pengerusi,

Y.A.B. Datuk Hormat Rafai,
Menteri Besar Selangor,

Ketua dan Ahli-Ahli Jawatankuasa UMNO
Bahagian Sungai Besi,

Saudara-saudara sekalian,

Saya bersyukur ke hadzrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya dapat melapangkan masa melawat Kampung Simerah Padi serta meresmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO, Bahagian Sungei Besi, pada pagi ini.

2. Saya suka juga mengucap terimakasih kepada Ketua dan Ahli Jawatankuasa Bahagian atas penghormatan dan sambutan yang telah di berikan kepada saya sebentar tadi.

3. Saya sungguh merasa bangga kerana buat pertama kalinya dapat saya melawat sebuah Kampung Melayu dipinggir Ibu Negara dan menemui penduduk di sini. Persiapan yang disediakan yang sesuai dengan suasana kampung ini membuktikan semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan penduduk di sini. Saya sukalah mengucap tahniah kepada ahli masyarakat di sini atas semangat mereka itu khasnya Jawatankuasa Pengelola Mesyuarat Perwakilan ini.

Saudara-saudara sekalian,

4. Sesungguhnya suasana dan keadaan kampung Simerah Padi ini, seperti juga kampung lain di pinggir bandaraya yang senasib dengannya, menjadi satu cabaran kepada semua pihak terutama para perwakilan serta ahli UMNO di Bahagian ini untuk bersama-sama berikhtiar supaya keadaan masyarakat di sini mendapat pembelaan sewajarnya.

5. Pada hemat saya, masalah yang dihadapi ini boleh menjadi ringan kalau kita semua berusaha bersama-sama dengan pihak yang berkuasa. Saya faham, oleh kerana Wakil Rakyat Kawasan ini ialah dari parti lawan, sudah tentu ia kurang mengambil berat akan nasib masyarakat di sini. Oleh itu, amatlah penting bagi pemimpin Bahagian ini mengambil inisiatif sendiri memperjuangkan kepentingan masyarakat di kawasan ini, khasnya orang-orang Melayu, supaya masalah dan kesulitan mereka sentiasa dapat dikemukakan ke pihak yang berkenaan untuk mendapat pembelaan.

Saudara-saudara sekalian,

6. Seperti saya katakan tadi, UMNO Bahagian Sungai Besi bergerak dalam kawasan pilihanraya parti lawan dan dalam keadaan yang sangat berbeza dengan keadaan kota. Kedua-dua faktor ini penting apabila menilai kegiatan UMNO Bahagian ini. Dari hakikat yang pertama kita membuktikan, sekalipun Wakil Rakyat kawasan ini dari parti lawan, UMNO masih lagi dapat sokongan orang ramai di kawasan ini khasnya dan dapat disamakan dengan kedudukan UMNO, semasa ia baru lahir tahun 46 dulu.

7. UMNO semasa itu tidak mempunyai sesuatu daya penarik untuk diberikan kepada ahli-ahlinya. Sebaliknya, semasa itu, ahli-ahli UMNO diminta memberikan pengorbanan dan sumbangan kepada parti. Mereka yang mempunyai tenaga menyumbangkan khidmat sementara mereka yang berada menyumbangkan wang ringgit. Kesemuanya ini merupakan sebagai sumbangan ikhlas untuk menguatkan kedudukan dan keutuhan parti, tanpa mengharap atau meminta pembalasan. Keduanya, saya bersyukur bahawa ahli-ahli UMNO di Bahagian ini bergerak aktif, walaupun dalam keadaan kurang serba serbinya. Saya mendoakan agar semangat pengorbanan ini akan terus berkekalan, kerana semangat suci, ikhlas dan jujur seperti inilah yang boleh menjamin keutuhan dan perpaduan parti kita dan menentukan kemurnian parti kita.

Saudara-saudara sekalian,

8. UMNO tidak wujud kerana pemimpinnya saja. Tetapi UMNO wujud kerana falsafah perjuangannya. UMNO wujud atas keyakinan dan kekuatan ahli-ahlinya yang mahu menghidupkan parti dan bukan hidup dengan parti. Malah kedudukan pemimpin parti adalah bergantung kepada sokongan ahli-ahli sekalian. UMNO tidak berjuang untuk kepentingan dan kebajikan pemimpinnya. Tetapi ia berjuang untuk kepentingan dan kebajikan ahli-ahlinya, yang merupakan kumpulan terbesar daripada kumpulan pucuk pimpinannya yang kecil bilangannya. Patut juga diingat, pucuk pimpinan

parti sentiasa berubah dan boleh diubah, tetapi perjuangan UMNO tetap tidak berubah bahkan semakin bertambah nyaring kerana keyakinan kita semua untuk mencapai matlamat parti mengikut peredaran masa dan keadaan.

9. Demikianlah juga di kawasan di mana tidak ada Wakil Rakyat dari UMNO atau dari Parti gabungan Barisan Nasional, perjuangan UMNO tetap sama. Oleh itu, adalah menjadi tugas utama pemimpin UMNO di Bahagian seperti Sungei Besi ini mengendali dan menentukan supaya kepentingan dan kebajikan penduduk di kawasan ini, khasnya ahli UMNO sendiri, akan sentiasa mendapat perhatian, dipelihara dan diambil berat.

Saudara-saudara sekalian,

10. Satu lagi faktor yang saya sebutkan tadi bahawa UMNO Bahagian Sungei Besi bergerak di dalam kawasan yang bersempadan dengan kota. Di dalam kawasan seperti ini, sikap dan kehidupan rakyat sentiasa terdedah kepada berbagai pengaruh, yang baik dan yang buruk. Keadaan seperti ini, sesungguhnya, menguji kemampuan dan ketabahan pemimpin UMNO di peringkat cawangan dan bahagian untuk menstabilkan pemikiran dan membawa perubahan.

11. Dalam pada itu, kita mestilah dapat membezakan antara nilai hidup yang menghasilkan kemewahan, dengan nilai hidup yang menghasilkan kemajuan, kemakmuran dan kemudiannya kemewahan. Sekiranya kita sentiasa menurut, tanpa menimbangkan akibatnya, kita akan dipengaruhi oleh keinginan meniru dan terikut. Dalam bidang politik, terikut-ikut kepada jalan yang salah adalah satu hal yang dikesalkan.

12. Adalah menjadi tabiat manusia iaitu lebih mudah dan senang baginya meniru dan seterusnya mengamalkan nilai hidup yang menjadi amalan masyarakat yang sudah mewah, kerana segala-galanya merupakan penghidupan yang senang. Tetapi, di sinilah letak bahanyanya. Kita masih lagi mempunyai banyak kekurangan dalam segala bentuk. Kita suka meniru dan mengamalkan segala aspek hidup masyarakat yang sudahpun maju dan mewah. Ini akan melemahkan daya usaha kita untuk berusaha supaya maju ke peringkat yang lebih tinggi.

Saudara-saudara sekalian,

13. Seperti kampung yang lain di pinggir Bandaraya Kuala Lumpur, Kampung Simerah Padi ini, sungguhpun telah wujud hampir berpuluh-puluh tahun lamanya, tetapi ianya mula berkembang disebabkan oleh penghijrahan beramai-ramai, penduduk dari kawasan desa ke bandar.



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

14. Sebagaimana yang termaklum, penghijrahan ini merupakan satu perkembangan yang berlaku di semua negeri dan daerah, disebabkan tarikan dan harapan penduduk menikmati kemudahan yang lebih baik dari hidup di kampung. Umpamanya, seperti mendapatkan peluang pekerjaan, menjalankan perniagaan kecil, mendapat kemudahan bekalan air paip dan letrik, menyertai aktiviti kebudayaan, sokan dan hiburan, kemudahan pelajaran di Universiti, Kolej dan sekolah tinggi, kemudahan hospital, kelinik dan lain-lain lagi.

15. Dalam hal ini, kita tidak dapat menyalahkan sesiapa juga, kerana di satu segi para pemimpin kita menyeru orang ramai datang ke bandar besar, supaya bilangan penduduk dapat diimbangkan. Di satu segi yang lain, kita ingin rakyat di desa, tinggal di kawasan mereka supaya dapat menjayakan kampung halaman, bercucuk tanam dan membanyakkan hasil bahan makanan. Di samping itu, Kerajaan cuba membawa modernisasi ke kampung untuk membolehkan rakyat ramai memperbaiki keadaan hidup mereka.

16. Walau apapun tafsiran yang diberikan, Kerajaan adalah menghadapi masalah yang dibawakan kepadanya oleh rakyat, yang mahukan perbaikan dan permodenan. Akibat dari keadaan ini, sekiranya Kerajaan tidak dapat menyelesaikan masalah ini, ia akan dituduh dan dikecam kerana lemah menjalankan kewajibannya. Tetapi, sebaliknya, kalau kita menyedari bahawa masalah ini, pada esalnya, adalah masalah diri sendiri, teringatlah saya kepada satu firman Tuhan yang sering digunakan di zaman perjuangan dulu yang maksudnya: "Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa itu, kalau bangsa itu sendiri tidak berusaha mengubah nasibnya. Demikian juga, pada hemat saya, firman Tuhan ini boleh ditafsirkan dalam kontek ini iaitu Kerajaan tidak akan mengubah nasib sesuatu masyarakat, kalau masyarakat itu sendiri tidak berikhtiar mengubah nasibnya". Dalam hal kampung ini, saya perhatikan masyarakat di sini telah menunjukkan bukti ia sedang berusaha. Oleh itu, wajarlah yang Kerajaan juga akan berusaha.

Saudara-saudara sekalian,

17. Seperkara yang patut saya tegaskan, bagi Wilayah Persekutuan, kadar penghijrahan terlalu tinggi sehinggakan melebihi dari kemampuan dan keupayaan pihak Kerajaan hendak menyediakan kemudahan asas untuk penduduk baru ini, menikmati keadaan hidup dalam suasana yang tersusun dan sempurna. Masalah ini, menjadi semakin rumit dengan bertambahnya bilangan kampung seperti ini, oleh kerana ramai pula orang yang telah



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

20. Dewan Bandaraya telahpun merangka satu rancangan perumahan yang lengkap untuk dilaksanakan, dari masa ke semasa. Rancangan-rancangan ini termasuklah pembinaan rumah murah di kawasan baru, membina semula kawasan setinggan, menempatkan semula setinggan dan menyediakan tapak perumahan bagi golongan berpendapatan rendah.
21. Adalah diharapkan Dewan Bandaraya dapat menyediakan 30,000 yunit rumah murah, dalam masa lima tahun akan datang, untuk memberi perubahan nyata kepada cara hidup penduduk yang berpendapatan rendah di sekitar Kuala Lumpur ini.
22. Saya diberitahu, antara rancangan yang sedang atau akan dilaksanakan ialah Projek Pembangunan Tanah Kampong Konggo, seluas 950 ekar, yang akan mengandungi sebuah Pusat Bandar Baru, rumah kediaman dan kemudahan untuk industri ringan. Projek ini dijangka menelan belanja lebih \$25 juta. Peringkat pertama, seluas 160 ekar telahpun dimulakan dan apabila siap, pada akhir tahun ini, akan dapat menyediakan lebih 1,000 yunit rumah murah.
23. Selain dari itu, ada dua rancangan perumahan besar lagi. Satu Projek Perumahan Belia, Jalan Cheras, berharga \$4.2 juta mengandungi 756 yunit rumah murah. Ini dikhususkan untuk belia yang berpendapatan murah yang bekerja di Kuala Lumpur. Kedua ialah Projek Perumahan Awam, berharga \$37 juta, akan dibina di kawasan seluas 270 ekar, di Batu 3½ Jalan Cheras.
24. Dewan Bandaraya juga akan menyediakan tapak rumah untuk penempatan semula setinggan di sebuah kawasan seluas 300 ekar, di Salak South. Peringkat pertama, seluas 68 ekar, sedang diselenggarakan dan dijangka siap dalam bulan Julai ini.
25. Kerajaan ada satu rancangan perumahan rakyat, yang diusahakan bersama oleh Dewan Bandaraya dengan Persatuan Pemaaju

Perumahan, di satu kawasan seluas 12 ekar di Cheras, tidak jauh dari Kampong Simerah Padi ini, yang akan dimulakan sedikit masa lagi. Rumah dua tingkat ini mempunyai dua bilik tidur, bilik rihat dan dapur.

26. Saya percaya, rumah yang disebut "cluster-link house" ini akan memenuhi keperluan masyarakat, serta mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah. Buat permulaannya, projek ini akan mengandungi 726 buah kediaman, beberapa rumah kedai, tempat perniagaan kecil dan lain-lain kemudahan, projek seperti ini, jika mendapat sambutan, akan diperluaskan ke tempat lain, di seluruh negara.

Saudara-saudara sekalian,

27. Dalam hubungan ini, saya sukalah mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada Persatuan Pemaju Perumahan kerana menyahut seruan Allahyarham Tun Razak, supaya pihak swasta menyerta Kerajaan dalam pelaksanaan rancangan perumahan murah untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Saya penuh yakin, kerjasama ini akan dapat dikekalkan, demi kepentingan dan faedah rakyat seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian,

28. Sebentar tadi, Raja Othman, Ketua Bahagian UMNO Sungai Besi telah menyerahkan satu memorandum mengenai masalah setingan dalam kawasan Sungai Besi, Saya ucapkan tahniah atas dayausaha dan penat lelah UMNO Bahagian ini yang mengambil berat menyelidiki masalah setingan. Inilah sepatutnya yang menjadi pendorong kepada setiap Bahagian UMNO, mengambil berat mengenai hal rakyat.

29. Seperti saya nyatakan tadi, dengan bertambahnya bilangan penghijrahan, masalah setingan, terutama di Wilayah Persekutuan,



menjadi semakin rumit. Sesungguhnya, masalah ini sekarang merupakan satu masalah besar yang memerlukan usaha yang besar bagi mengatasinya.

30. Sebagai sebuah parti politik yang memerintah, kita harus memberi perhatian berat kepada masalah ini, yang melibatkan sebahagian besar terdiri dari ahli-ahli parti. Saya sungguh bersimpati dengan keadaan setingan ini dan akan cuba berusaha apa juga untuk meringankan atau melegakan kesulitan yang dialami oleh mereka itu.

31. Buat sementara ini, saya sukalah memberitahu para hadirin sekalian iaitu Barisan Nasional telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kecil untuk mengkaji masalah setingan di Wilayah Persekutuan dan menyusun suatu rancangan bagi mengatasi kesulitan serta menyelesaikan masalah ini.

32. Wakil-wakil Rakyat dan pemimpin Bahagian UMNO dan komponen dalam Barisan di Wilayah Persekutuan adalah ahli Jawatankuasa ini. Saya akan mengesyorkan kepada Jawatankuasa ini supaya masalah-masalah yang dibangkitkan itu dapat dicari penyelesaiannya.

Saudara-saudara sekalian.

33. Pada kesempatan ini, saya tidak banyak menyentuh hal parti, tetapi menumpukan kepada masalah hidup. Namun demikian, saya menyeru saudara-saudara sekalian supaya sentiasa menjaga perpaduan parti, menumpukan usaha terhadap memelihara keselamatan dan sentiasa memupuk semangat keharmonian dan muhibbah antara kita dan masyarakat berbilang kaum.

34. Akhirnya, saya mengharapkan saudara-saudara dengan pemimpin UMNO di sini akan terus berusaha bagi memajukan masyarakat di sini dan mengatasi sebarang masalah.

35. Dengan pesanan dan harapan inilah saya dengan sukacitanya meresmikan sidang perwakilan UMNO Bahagian Sungai Besi ini dan mendoakan kita sentiasa diberkati Allah dalam usaha kita.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR
25hb. April, 1976

(dikeluarkan pada pukul 1.30 petang)

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



JUN 1976



| | |
|---------------------|------|
| No. Siri | 184 |
| No Penerimaan | 9/76 |